

**Tuanku Mizan Rasmi Masjid Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Bernama
11 November , 2011**

MELAKA, 11 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin Jumaat berkenan merasmikan masjid baru Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Durian Tunggal di sini yang boleh memuatkan seramai 4,000 jemaah.

Seri Paduka yang diiringi Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Wira Abu Seman Yusof, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakub merangkap Canselor UTeM dan Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan.

Baginda kemudiannya menunaikan solat Jumaat bersama pemimpin negeri dan rakyat jelata di masjid tersebut.

Turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka Datuk Wira Othman Muhamad dan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Wira Omar Kaseh.

Sementara itu, Mohd Ali dalam teks ucapan beliau berkata masjid merupakan sebuah institusi masyarakat yang penting dalam memajukan umat Islam melibatkan pelbagai aspek kehidupan.

"Kewujudan masjid dalam pusat pengajian tinggi adalah satu simbol perencanaan strategik yang mengambil kira sejarah kehebatan peradaban Islam terdahulu," katanya.

Jelas beliau melalui pembangunan masjid ini pelbagai aktiviti dapat dijalankan terutamanya dalam pembangunan sahsiah pelajar demi mengimbangi kestabilan rohani, emosi dan jasmani.

Pembinaan Masjid Sayyidina Abu Bakar bermula pada 1 Mei 2007 dan melibatkan kos RM15.3 Juta dengan keluasan tanah 4 hektar.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626114>